

13 JAN 1999

Ting-Kempen

PEMAJU PERUMAHAN BOLEH TERUSKAN BERI INSENTIF KEPADA PEMBELI, KATA TING

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Kerajaan menyarankan pemaju perumahan meneruskan pemberian insentif kepada pembeli rumah seperti yang ditawarkan ketika Kempen Pemilikan Rumah selama sebulan yang berakhir semalam.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, pemaju boleh terus memberi insentif seperti potongan harga, yuran perundangan dan duti setem yang ditanggung pemaju walaupun tempoh kempen itu tidak dilanjutkan.

"Kementerian berpendapat potongan harga tidak akan merugikan pemaju, cuma mungkin akan mengurangkan margin keuntungan....tetapi masih ada untung", katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Katanya, ada pemaju perumahan yang bersedia untuk terus menawarkan insentif berkenaan bagi memastikan projek hartanah mereka dapat dijual kepada pembeli walaupun kempen itu telah berakhir.

Kempen Pemilikan Rumah yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Dis lepas dan berakhir semalam bertujuan merangsang semula sektor hartanah sebagai sebahagian daripada usaha ke arah pemulihan ekonomi negara.

Kempen itu dianjurkan kerajaan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM), Persatuan Bank-bank Malaysia dan Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia dengan disertai lebih 400 pemaju hartanah di seluruh negara.

Ting berkata, kerajaan berpuas hati dengan kempen berkenaan yang memberikan banyak manfaat kepada pembeli dan pemaju sendiri serta membantu meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap industri hartanah yang sedia ada.

"Kerajaan membuat keputusan kempen berkenaan tidak perlu dilanjutkan kerana tempoh sebulan itu memadai untuk meningkatkan kesedaran bakal pembeli terhadap hartanah yang sedia ada di negeri masing-masing walaupun ada individu dan persatuan yang meminta kempen itu diteruskan",.

"Sambutan baik daripada pengunjung pameran itu serta penjualan yang laris itu ternyata memberikan sedikit nafas baru kepada industri perumahan dan pembinaan kerana sudah ada tanda orang ramai mempunyai keyakinan terhadap sektor hartanah dan perumahan", katanya.

Beliau berkata, anggaran awal nilai hartanah yang dijual ketika kempen itu berjumlah RM3 bilion dengan hartanah bernilai kurang RM250,000 merupakan yang paling laris dijual.

Nilai sebenar penjualan hartanah itu hanya akan diketahui setelah penganjur menyerahkan laporan terperinci mengenai kempen itu dalam jangka masa terdekat ini, katanya.

-- BERNAMA

RZS LAT